

18/10/1997

Kejatuhan nilai ringgit: Rakyat perlu penjelasan

GUA MUSANG, Jumaat - Jabatan kerajaan dan swasta perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai masalah ekonomi negara, berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Ini bagi mengelakkan rakyat terkeliru dengan perkembangan itu dan membuat tuduhan tidak berasas kepada pemimpin kerajaan.

Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Mohd Saufi Deraman, berkata mesej yang tepat perlu disampaikan kepada rakyat bagi membantu kerajaan menangani masalah itu yang disifatkan sebagai fenomena sementara.

Menurutnya, masalah ekonomi negara tidak seharusnya dibebankan kepada kepemimpinan negara semat-mata, sebaliknya perlu ditangani bersama secara kolektif.

"Kita sebagai rakyat perlu mengambil tahu perkembangan semasa dan apa yang diarahkan oleh kerajaan harus diberi sokongan," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Mohamad Saufi yakin masalah yang dihadapi itu akan dapat diselesaikan kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai kebijaksanaan dalam mengendalikan masalah yang dihadapi itu.

Beliau berkata, ada rakyat yang belum faham masalah yang dihadapi negara itu dan mereka mula menyedari kenaikan harga barang keperluan di pasaran.

"Kekeliruan ini boleh diperjelaskan oleh kakitangan kerajaan dan swasta yang tahu perkembangan itu. Jika semuanya faham hakikat sebenar mengenai perkara itu, kita harus menghadapinya dengan ketabahan," katanya.

Beliau berkata, rakyat harus mengamalkan sikap berjimat cermat dalam menguruskan perbelanjaan dan meneruskan amalan menabung.

(END)